



**KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN**

***Ministry of Agriculture and Food Industries***

Wisma Tani

No 28, Persiaran Perdana, Presint 4

Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan

62624 PUTRAJAYA,

MALAYSIA

No. Telefon : 03-8000 8000

No. Faks : 03-8888 6020

Laman Web : [www.mafi.gov.my](http://www.mafi.gov.my)

---

## **SIARAN MEDIA**

### **KAD PINTAR KELUARGA PELADANG DILANCAR SEMPENA HARI PELADANG PENTERNAK DAN NELAYAN KEBANGSAAN HPPNK 2021**

**KUALA LUMPUR, 10 November 2021-** Kad Pintar Keluarga Peladang (PELADANG-) hari ini dilancarkan sempena Hari Peladang, Penternak dan Nelayan Kebangsaan (HPPNK) tahun 2021 yang akan disambut secara hibrid, di The World Trade Centre Kuala Lumpur (WTCKL) pada 21 hingga 23 Disember ini.

Pelancaran disempurnakan oleh Menteri Pertanian dan Industri Makanan dalam Majlis Pra-Pelancaran Smart Card Keluarga Peladang dan *Countdown* Hari Peladang Penternak dan Nelayan Kebangsaan (HPPNK 2021).

Menurut Menteri Pertanian dan Industri Makanan, Datuk Seri Dr Ronald Kiandee, selaras dengan program Dasar Agromakanan Negara (DAN 2.0) yang telah dilancarkan baru-baru ini, pemodenan sektor pertanian telah menjadi teras utama dalam sektor pertanian.

“Ia juga telah dimasukkan ke dalam Rancangan Malaysia Ke-12 (RMKe-12) bagi mengenal pasti pertanian pintar sebagai salah satu aktiviti strategik dan berimpak tinggi yang dapat menjana semula pertumbuhan ekonomi negara. Sepanjang tempoh RMKe-12, Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) akan memberi tumpuan kepada pemodenan sektor agromakanan bagi meningkatkan produktiviti dan menjamin sekuriti makanan negara,” kata beliau.

Kerajaan sedang melaksanakan pelbagai pelan tindakan dan inisiatif dalam menerajui sektor pertanian dan industri makanan ke arah *Fourth Industrial Revolution* (IR4.0) selaras dengan Dasar Agromakanan Negara 2.0 (DAN 2.0) yang menerapkan ciri - ciri pemodenan dalam revolusi pertanian termasuk dalam bidang perbankan yang melibatkan ahli peladang.

“Dalam hal ini, LPP dengan kerjasama strategik bersama Agrobank memperkenalkan Smart Card Keluarga Peladang atau singkatannya (Peladang- i) yang merupakan Kad Pintar yang menggabungkan pelbagai fungsi dan kelebihan dalam satu kad *Co-Brand Agrobank Debit Card*. Inisiatif ini juga merupakan salah satu dari 3 pencapaian utama dalam Aspirasi Keluarga Malaysia (AKM) yang telah dipilih oleh MAFI, antara lainnya menyasarkan perlindungan takaful diberikan kepada 2 ribu peladang dalam tempoh 100 hari yang pertama,” jelas Dr Ronald.

Kad Pintar yang diperkenalkan ini merupakan kad identiti keahlian Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) di seluruh negara bagi memudahkan transaksi pembayaran tanpa tunai dalam urusan niaga ahli dengan semua operasi perniagaan Pertubuhan Peladang.

Pada masa yang sama, melalui pemilikan Kad Pintar ini juga, ahli peladang juga akan diberi perlindungan Takaful Kasih Plus sehingga RM5,000 atas musibah yang berlaku dengan sumbangan ahli seminima hanya lima ringgit sahaja setahun. Skim ini selaras dengan sokongan dan galakan Kerajaan melalui Bajet 2022 yang memperuntukkan sebanyak RM5 juta supaya semua ahli PPK seluruh Malaysia diberi perlindungan takaful di bawah Skim Perlindungan Takaful Kad Pintar.

Dr Ronald juga berkata Agrobank sedang berusaha keras dalam mewujudkan Skim Takaful Agromakanan yang pertama di Malaysia bagi industri pertanian dan agromakanan untuk membantu golongan sasaran yang ditimpa sebarang musibah sama ada bencana, serangan penyakit dan ketidakpastian cuaca yang menyebabkan pengurangan hasil pengeluaran serta menjejaskan pendapatan mereka.

Tambah Dr Ronald lagi, dengan keistimewaan dan kemudahan yang tersedia dari Kad Pintar ini, Kementerian yakin ia mampu menarik minat golongan muda yang berumur 18 tahun ke atas untuk menjadi ahli peladang di kawasan masing-masing dan seterusnya mendapat perlindungan kewangan melalui Takaful Kasih Plus sehingga usia mereka 70 tahun.

Kementerian percaya inisiatif ini akan terus memperkasa dan melonjakkan penggunaan teknologi digital dalam kalangan ahli peladang ke arah era digitalisasi di samping mencapai matlamat MAFI dalam menerajui industri pertanian negara ke arah IR 4.0. Kerajaan menjangkakan seramai lebih 920 ribu ahli peladang akan berpeluang menikmati manfaat dan kemudahan Kad Pintar Keluarga Peladang (Peladang-i) ini.

Di samping itu, penggunaan Kad Pintar oleh semua ahli peladang akan memudahkan Kerajaan dalam mengakses maklumat golongan sasaran untuk menyampaikan pelbagai bentuk bantuan, subsidi dan insentif. Manakala data dan maklumat keahlian yang ada termasuk pendapatan, lokaliti dan identiti peladang juga dapat memudahkan Kerajaan menyediakan dasar-dasar yang lebih holistik bagi golongan masyarakat Peladang khususnya petani, penternak dan nelayan.

Turut hadir di majlis ini adalah Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan I, YB Datuk Seri Haji Ahmad Bin Hamzah, Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan II, YB Dr. Nik Zawawi Bin Haji Saleh, Ketua Setiausaha Kementerian Pertanian Dan Industri Makanan (MAFI), YBhg. Dato' Haslina binti Abdul Hamid), Pengerusi Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP), YB Dato' Haji Che Abdullah Bin Mat Nawi, Ketua Pengarah Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP) YBhg. Dato'

Azulita Binti Salim dan Penanggung Tugas Presiden/Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) Agrobank, Puan Khadijah Iskandar.

Sementara itu, Dr Ronald turut melancarkan *Road to HPPNK 2021*. Bertemakan “Terima Kasih Keluarga Agro” sambutan Hari Peladang Penternak dan Nelayan 2021 pada tahun ini buat julung kalinya akan dilaksanakan secara hibrid. HPPNK merupakan *signature event* Kementerian yang diadakan dwi tahunan sebagai penghargaan kerajaan ke atas sumbangan peladang, penternak dan nelayan yang merupakan wiratani serta penyumbang utama kepada sekuriti makanan negara.

Dalam pada itu ketika mengulas mengenai penganjuran HPPNK 2021 yang buat julung kalinya dilaksanakan secara hibrid, Dr Ronald berkata bagi menzahirkan penghargaan kepada masyarakat peladang, penternak dan nelayan yang merupakan benteng utama sekuritimakanan negara, sebanyak lima (5) anugerah akan disampaikan dalam HPPNK 2021 meliputi pelbagai kategori iaitu Anugerah Agropreneur Muda, Anugerah Agro Biz, Anugerah Premier Persatuan Nelayan, Anugerah Premier Pertubuhan Peladang dan Anugerah Perdana Agro.

Antara tarikan utama HPPNK 2021 ialah segmen Mega Agro Sales (MAS) yang akan menampilkan 200 usahawan dengan lebih 2,000 Stock Keeping Unit (SKU) produk. Kesemua produk-produk terpilih ini boleh dibeli secara atas talian 24 jam sehari tanpa henti sepanjang program berlangsung.

HPPNK 2021 turut mensasarkan 500 orang peserta secara fizikal di WTCKL, manakala seluruh rakyat Malaysia pula berpeluang untuk mengikuti pelbagai aktiviti menarik dalam edisi hibrid secara langsung dan percuma di atas talian dengan melayari landing page [hppnk2021.my](http://hppnk2021.my).

Kementerian berharap penganjuran HPPNK 2021 akan memberi satu harapan baharu kepada kumpulan sasar dan pemain industri untuk memulihkan perniagaan selain merancakkan semula ekonomi negara serta dapat membuka dan menyediakan lebih banyak peluang pekerjaan baharu dalam sektor pertanian dan industri makanan.

**KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN  
10 NOVEMBER 2021**